

Galeri seni lebih besar untuk SPS

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal memiliki galeri seni yang lebih luas dan selesa apabila kerja-kerja pengubahsuaian yang dijangka bermula tahun hadapan, disiapkan kelak.

Dekan SPS, Prof Madya Hj Inon Shahrudin Abdul Rahman berkata pihak universiti itu telah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,000 untuk kerja-kerja berkenaan.

"Bagaimanapun, 20 peratus daripada peruntukan itu terpaksa dikurangkan kerana masalah ekonomi yang melanda," katanya kepada pemberita selepas perasmian Pameran Karya Undangan 2010 di Galeri Seni SPS, kelmarin.

Pameran berkenaan telah dirasmikan oleh Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Bolkiah Ismail mewakili menterinya, Datuk Masidi Manjun.

Sementara itu, beliau berkata galeri itu nanti akan memudahkan

"Pihak universiti telah meluluskan peruntukan RM300,000 untuk kerja-kerja berkenaan. Bagaimanapun, 20 peratus daripada peruntukan itu terpaksa dikurangkan kerana masalah ekonomi."

**PROF MADYA INON SHAHRUDDIN
ABDUL RAHMAN**

Dekan Sekolah Pengajian Seni UMS

pelaksanaan aktiviti pameran karya seni dan hasil penyelidikan pelajar dan pensyarah kelak.

"Bagaimanapun, fungsi galeri sebenarnya adalah pelbagai... bukan sahaja sebagai tempat mempamerkan karya," katanya yang menjelaskan galeri penting dalam menjadi pusat untuk pelukis mendedahkan karya mereka dan berkongsi pendapat dengan orang ramai.

Sementara itu, beliau berkata, pelajar jurusan seni di universiti itu bukan sahaja mempelajari kemahiran mewarna, malah



mereka juga mempelajari kaedah pengurusan galeri, promosi, pemasaran dan seni persembahan dalam usaha meluaskan pasaran kerja mereka.

Ketika ini, jelasnya, dua pelajar mereka sedang menjalani latihan praktikal sebagai kurator di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

"Bulanlalu, SPSturut menghantar wakil ke pameran seni Sabah di USM untuk berkongsi karya seni dan hasil penyelidikan kita dengan komuniti masyarakat di sana," katanya.